

ANALISIS SEJARAH FONOLOGI DAN PENGELOMPOKAN DALAMAN DIALEK HULU PERAK UTARA PURBA (DHPUP)

NUR HABIBAH C.R.
Universiti Sains Malaysia
nurhabibahcr@usm.my

*SHAHIDI A.H.**
Universiti Kebangsaan Malaysia
zedic@ukm.edu.my

RAHIM AMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
tuntas@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu rentetan daripada kajian rekonstruksi Dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP) yang telah dilakukan sebelum ini. Penelitian ini akan membincangkan pula aspek klasifikasi atau pengelompokan menggunakan pendekatan kualitatif dalam bidang linguistik sejarawi perbandingan. Usaha rekonstruksi dan klasifikasi ini dilakukan bertujuan untuk menentukan perkaitan kekeluargaan antara bahasa dan hubungan jauh-dekatnya bahasa-bahasa yang dibandingkan. Dalam kajian ini, perbandingan dan klasifikasi aspek fonologi dan leksikal akan dilakukan pada dua tahap. Tahap pertamanya meneliti perbezaan fonologi dan leksikal di antara bahasa Melayik Purba (MP) dengan Dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP). Seterusnya, tahap kedua melakukan perbandingan secara sinkronik terhadap subdialek-subdialek turunan DHPUP. Akhir sekali melakukan klasifikasi dalaman terhadap DHPUP. Klasifikasi dalaman dilakukan berdasarkan inovasi dan retensi fonologi serta leksikal yang telah dikenal pasti, kemudian dipaparkan dengan rajah pohon Augus Schleicher. Hasil dapatan daripada klasifikasi yang dilakukan, DHPUP tidaklah begitu jauh terpisah daripada MP, dan 9 varian turunan DHPUP dikelompokkan kepada 4 cabang utama yang berkongsi beberapa ciri fonologi bersama. Analisis sejarah fonologi dan klasifikasi dalaman DHPUP ini dapat membantu menjelaskan secara linguistik hubungan kekerabatan antara DHPUP dengan subdialek turunannya di samping melihat keterikatannya dengan hubungan MP, bahasa induknya.

Kata kunci: dialek purba; Hulu Perak; inovasi; linguistik sejarah; perubahan bahasa

ABSTRACT

This study is a continuation of previous research on the reconstruction of the Ancient Northern Hulu Perak Dialect (DHPUP). This research will discuss the aspects of classification or grouping using a qualitative approach in the field of comparative historical linguistics. The efforts of reconstruction and classification aim to determine the familial relationships between languages and the proximity of the compared languages. In this study, the comparison and classification of phonological and lexical aspects will be conducted in two stages. The first

stage examines the phonological and lexical differences between the Ancient Malayic Language (MP) and the Ancient Northern Hulu Perak Dialect (DHPUP). Next, the second stage involves a synchronic comparison of the subdialects derived from DHPUP. Finally, an internal classification of DHPUP will be carried out. The internal classification is based on identified phonological and lexical innovations and retentions, then presented with August Schleicher's tree diagram. The findings from the classification show that DHPUP is not very distant from MP, and the 9 derived variants of DHPUP are grouped into 4 main branches that share several phonological features. The historical phonological analysis and internal classification of DHPUP can help linguistically explain the kinship relationships between DHPUP and its derived subdialects, as well as its connection with MP, its parent language.

Keywords: ancient dialect; Hulu Perak; innovation; historical linguistics; language change

PENGENALAN

Sejarah, manusia dan bahasa tidak dapat dipisahkan. Ahli dialektologi sering menjadikan tiga aspek ini sebagai pertalian yang berkaitan untuk dibincangkan. Dalam linguistik perbandingan sejarawi, perubahan bahasa merupakan tumpuan utama yang diperincikan secara mendalam. Perincian yang mendalam ini membawa maksud analisis yang dilakukan secara diakronik. Kaedah secara diakronik khususnya dalam perubahan bahasa melibatkan perbandingan yang dilakukan untuk mengenal pasti inovasi dan retensi yang terjadi dalam sesebuah bahasa disebabkan oleh faktor masa. Pengkajian dialek dengan menggunakan metode ilmu bandingan linguistik sejarawi tradisional memerlukan gandingan dua perkara asas ini, iaitu rekonstruksi dan klasifikasi. Tugas rekonstruksi telah dilaksanakan sepenuhnya dalam kajian berasingan sebelum ini, (rujuk Nur Habibah et al. 2021). Tugas seterusnya ini ialah klasifikasi atau pengelompokan terhadap dialek yang dikaji akan dihuraikan secara terperinci dalam penulisan ini.

Menurut Rahim Aman (2017) dasar perbandingan dalam klasifikasi adalah kata-kata yang sekognat. Perangkat korespondensi yang berlaku pada kata-kata yang sekognat, membantu dalam melihat perubahan yang terjadi pada semua bahasa kerabat yang sekali gus membantu kita untuk menentukan jauh dekatnya hubungan antara semua bahasa kerabat tersebut. Perubahan bahasa boleh berlaku. Apakah yang dimaksudkan dengan perubahan pada bahasa? Bahasa ini bersifat dinamik, iaitu sifat bahasa itu sendiri yang berubah-ubah kerana perkaitannya dengan manusia. Maksudnya, kegiatan manusia yang sentiasa berkembang akan menyebabkan berlakunya perkembangan dan perubahan dalam sesuatu bahasa sama ada pada sisi fonologi, leksikal, morfologi mahupun sintaksis. Kadangkala dua bahasa berbeza mempunyai beberapa persamaan, namun kesamaan tersebut adalah disebabkan oleh pengejalan unsur purba.

Berdasarkan pendekatan linguistik sejarawi perbandingan, sesuatu bahasa dan dialek diandaikan diturunkan daripada satu bahasa induk atau bahasa purba yang sama. Pemencaran bahasa atau dialek yang berlaku daripada bahasa purba adalah disebabkan wujudnya perbezaan linguistik. Pemencaran yang berlaku secara tidak langsung mewujudkan salasilah bahasa yang menjadi asas kepada pembahagian kepada keluarga-keluarga bahasa (Asmah, 2015a). Terdapat dua kaedah untuk menentukan perkaitan kekeluargaan antara bahasa: kaedah leksikostatistik dan kaedah rekonstruksi. Kaedah leksikostatistik ialah kaedah kuantitatif yang menentukan jarak perkaitan antara bahasa. Ahli-ahli linguistik bandingan menerapkan kaedah ini dengan menghitung peratusan (%) persamaan (dan perbezaan). Manakala kaedah rekonstruksi ialah kaedah kualitatif. Dengan membandingkan bunyi atau fonem dalam kata-kata berkognat, maka dibuat rekonstruksi bentuk bunyi dalam bahasa yang menurunkan bahasa-bahasa yang

dibandingkan. Persamaan dan perbezaan antara bunyi itu digunakan untuk melihat jauh dekat atau jauhnya bahasa-bahasa berkenaan (Asmah, 2015b).

Secara umumnya, kajian ini berusaha memerihalkan aspek linguistik dialek Perak. Tidak dinafikan bahawa kajian-kajian terdahulu ada menyentuh ciri linguistik dialek Perak dari pelbagai sudut pandangan dan kaedah (misalnya, Rahim Aman, 2023; Shahidi et al., 2021; Norhaniza et al., 2021; Nur Habibah & Rahim, 2020; Mohamad Firdaus et al., 2020) namun aspek keterikatan & hubungan kekeluargaan Dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP) melalui kaedah perbandingan dan klasifikasi masih belum berpada dan mencukupi.

Maka, dalam kajian ini, kaedah yang digunakan untuk menghubungkan hubungan kekeluargaan Dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP) adalah kaedah kualitatif, melalui cara perbandingan dan klasifikasi. Secara ringkasnya kajian ini akan membandingkan aspek fonologi dan leksikal di antara DHPUP dengan bahasa induknya, MP berserta subdialek-subdialek turunannya. Perbandingan ini dilakukan untuk mencungkil dan mengenal pasti ciri inovasi dan retensi yang wujud dan seterusnya melakukan klasifikasi dalam menghuraikan hubungan kekeluargaan jauh dekat bahasa dan subdialek-subdialek yang dibandingkan (lihat juga, Siti Hajar et al., 2020). Menurut Collins (1986), kriteria retensi ditegaskan sebagai retensi warisan linguistik (refleks) daripada bahasa nenek moyang yang tidak dianggap sebagai bukti munasabah untuk menunjukkan hubungan erat antara dua atau lebih bahasa kerabat. Ini bererti retensi adalah pengekalan aspek linguistik tertentu dalam sesebuah bahasa atau dialek. Manakala inovasi menurut Collins (1986:13) "...setiap inovasi menggambarkan peristiwa sejarah. Pembaharuan dan perubahan terjadi kerana bahasa sentiasa berkembang". Akhir sekali, klasifikasi dalaman yang terhasil akan diilustrasikan kepada bentuk rajah pohon yang diperkenalkan oleh August Schleicher.

OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN

Objektif kajian ini merupakan pemaparan akhir dalam pengkajian perbandingan terhadap DHPUP yang menggunakan pendekatan linguistik sejarawi. Objektif utamanya adalah untuk melakukan klasifikasi dalaman yang bertujuan untuk memperlihatkan salasilah kekeluargaan DHPUP dengan bahasa Induknya dan subdialek-subdialek turunannya. Pengklasifikasian yang dilakukan ini dapat memperlihatkan hubungan keterikatan jauh dekat antara subdialek-subdialek Hulu Perak Utara (HPU) kini.

Kajian ini secara keseluruhannya menghasilkan pemahaman secara jelas tentang gambaran atau status identiti DHPUP, yakni hipotesis dialek purba yang diandaikan wujud di HPU suatu ketika dahulu. Penerapan pendekatan linguistik perbandingan sejarawi dalam kajian ini dilihat bukan sahaja berkemampuan dalam merekonstruksi bahasa purba DHPUP, bahkan telah berjaya melakukan pengelasan terhadap sembilan varian HPU yang dikaji dan seterusnya dapat memperlihatkan hubungan jauh dekatnya antara varian-varian HPU, dan tidak lupa hubungan DHPUP dengan bahasa induknya, MP.

Dengan adanya gambaran ini, sedikit sebanyak memberikan kefahaman yang jelas tentang dialek HPU yang sebenarnya. Ketahuilah, di sudut terpencil pada bahagian paling utara di Hulu Perak adanya dialek yang digelar 'dialek Reman'. Dialek Reman merupakan istilah yang diberikan oleh penduduk setempat. Dan jelas istilah ini mempunyai kaitannya dengan sejarah asal usul daerah Hulu Perak. Ciri-ciri linguistik dan leksikal yang kelihatan eksotik dari dialek Perak asli, menjadikan dialek HPU ini dianggap sebagai dialek yang tersendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian secara kualitatif sepenuhnya yang melibatkan penganalisan diakronik dan sinkronik data dialek Hulu Perak Utara. Kajian ini memfokuskan pengelompokan dalaman DHPUP, dan secara tidak langsung juga menghubungkaitkan dengan bahasa induknya, bahasa Melayik Purba (MP).

Oleh itu, kajian ini memerlukan pengkaji turun ke lapangan untuk mencuplik data dialek tersebut. Kawasan kajian yang terlibat ialah Gerik dan Pengkalan Hulu. Kampung yang terlibat dalam pemerolehan data ialah sebanyak sembilan buah kampung. Sembilan kawasan kampung yang dipilih ini adalah berdasarkan maklumat awal daripada informan (ketua kampung Perah) yang menyatakan kampung-kampung ini merealisasikan varian yang berbeza-beza antara satu sama lain. Kampung-kampung tersebut adalah, Kampung Kuak Hulu (KHLU), Kampung Selarong (SLRG), Kampung Air Panas (APNS), Kampung Simpang Pulau (SPG PLAI), Kampung Perah (PRH), Kampung Padang Kunyit (PDG KNYT), Kampung Bongor (BNGR), Kampung Bersia Lama (BSLM) dan Kampung Kerunai (KRN).

Sungguhpun, terdapat banyak lagi perkampungan yang wujud di HPU ini, namun kesembilan kampung inilah menjadi pilihan pengkaji dalam pungutan data dialek. Jadi, berkemungkinan akan timbulnya persoalan: mengapa kampung ini dipilih dan pedoman apa yang berguna dalam pemilihan kawasan kajian ini? Pedomannya, adalah dengan menerapkan dua prinsip yang disampaikan oleh Collins (1987) dalam kajian Dialek Sarawak beliau. Prinsip pertamanya, pemilihan kampung yang terlibat dalam kajian dilakukan berdasarkan pertimbangan geografis yang dianggap penting. Misalnya di HPU, pemilihan kawasan kajian didasari pertimbangan geografi kedudukan muka bumi daerah HPU itu sendiri, yang terpencil di pedalaman dan berbukit bukau. Misalnya, kawasan kampung yang agak terpencil atau di pedalaman mempunyai data dialek yang lebih asli. Malah kawasan perkampungan yang dipilih ini, sukar bertemu dengan penutur yang berasal dari kawasan lain; maka, asas perbandingan mudah diperolehi. Kedua, berpandukan maklumat rakyat setempat amat penting. Collins menyatakan “Oleh sebab panduan dokumen sejarah tentang penghijrahan dan penyebaran orang Melayu di kawasan kajian agak kurang, pemilihan kampung yang dikunjungi berpandukan faktor geografis serta maklumat rakyat setempat amat penting.” (Collins 1987:23-24).

Seterusnya berkaitan pemilihan informan, pengkaji lebih cenderung untuk melakukan pemilihan informan berdasarkan akronim NORF (berbanding NORM) yang diutarakan oleh Ajid (2006), bersesuaian kajian yang dilakukan di Malaysia mahupun Asia. Akronim NORF/M tersebut diwakili *N-Nonmobile*, *O-Old*, *R-Rural* dan *F-Female/M-Male*. Pengkaji melakukan pemilihan informan adalah melalui risikan seorang ketua kampung yang menetap di Pengkalan Hulu dan seorang lagi di Gerik. Walau bagaimanapun, untuk jantung informan, pengkaji fleksibel jika ketua kampung memberikan cadangan informan tersebut adalah lelaki (yang lebih arif berkaitan dialek kampungnya).

Bagi tujuan pengumpulan data pengkaji membuat keputusan memilih senarai kata dalam (Rahim 2017) iaitu kajian Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik untuk diterapkan dalam kajian pengkaji yang berjumlah 463. Senarai kata untuk kajian di HPU ini berjumlah 508 perkataan yang telah diubah suai. Daftar kata tersebut meliputi waktu, bilangan, alam persekitaran dan warna, alat kelengkapan rumah tangga, istilah kekerabatan, haiwan dan anggota tubuhnya, serta emosi dan perbuatan. Pengkaji menggunakan teknik temu bual secara langsung dengan membuat pengajuan gambar kepada informan. Gambar yang diajukan berkaitan daripada daftar kata yang disediakan. Selain temu bual secara langsung, pengkaji juga melakukan teknik temu bual secara tidak langsung yang membuatkan informan bercerita

tentang kehidupan sehariannya. Tujuannya supaya dialek yang informan tuturkan bersahaja dan lebih bersifat alamiah.

Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara diakronik, iaitu pendekatan yang disarankan oleh Mahsun (1995). Perbandingan dilakukan kepada dua tahap, iaitu tahap pertama perbandingan fonologi dan leksikal di antara bahasa Melayik Purba (MP) Adeelar (1992) dengan DHPUP. Kemudian, perbandingan secara dalaman dilakukan terhadap subdialek-subdialek turunan DHPUP. Manakala kaedah klasifikasi secara kualitatif, dilakukan berdasarkan tatacara sarjana-sarjana linguistik bandingan (Collins, 1987; Adeelar, 1992; Crowley dan Bower, 2010; Rahim Aman, 2017). Pemaparan hasil data melibatkan simbol-simbol atau lambang yang digunakan dalam kajian ini seperti: (*) melambangkan hipotesis fonem purba/morfem purba, (>) melambangkan berubah menjadi, (<) bentuk berkembang dari, ([]) penyebutan fonem, (/ /) mengapit unsur fonologi (/) sempadan bunyi, (K) konsonan, (V) vokal, dan simbol-simbol *International Phonetic Alphabet (IPA)*.

INOVASI FONOLOGI DHPUP DENGAN MELAYIK PURBA

Berkenaan penerangan yang diberikan sebelumnya, klasifikasi yang akan dilakukan ini ditentukan oleh faktor inovasi. Justeru pada bahagian ini klasifikasi DHPUP dengan MP dilakukan berdasarkan faktor inovasi fonologi dan inovasi leksikal. Klasifikasi ini dinamakan sebagai klasifikasi dalaman. Kajian sebegini juga telah banyak dilakukan bagi dialek-dialek Melayu lain, seperti (Mohd Tarmizi et al., 2013; Norfazila et al., 2017).

Berdasarkan inovasi fonologi, wujud enam ciri inovasi pada tahap DHPUP. Inovasi tersebut adalah perkembangan daripada MP. Hampir keseluruhan inovasi fonologi dalam DHPUP muncul pada posisi suku kata akhir atau akhir kata. Ciri inovasi fonologi yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. MP *-ɣ, *-l, *-r > DHPUP ∅
2. MP *r > DHPUP *ɣ
3. MP *-m, *-n > DHPUP *-ŋ
4. MP *-s > DHPUP *-h
5. MP *-əK > DHPUP *-aK (K = selain konsonan sengauan)
6. MP *-aw dan *-ay > DHPUP *-o dan *-a

Berdasarkan pemaparan inovasi fonologi yang memisahkan DHPUP dengan MP di atas, contoh yang akan diterangkan ini boleh menjelaskan lagi gambaran tersebut. Pertama, dua konsonan di akhir kata pada MP iaitu *-ɣ, *-l, *-r digugurkan dalam DHPUP, manakala MP *r berubah kepada DHPUP *ɣ. Seterusnya yang ketiga, konsonan nasal di akhir kata MP *-m, *-n akan berubah kepada *-ŋ dalam DHPUP. Data berikut membuktikan inovasi pemisahan ini seperti dalam JADUAL 1:

JADUAL 1. Data Inovasi Pemisahan DHPUP dengan MP

Inovasi fonologi	Penyebaran pada posisi	Data Inovasi fonologi pemisahan DHPUP dengan MP
*-ɣ	Akhir kata	MP *-ɣ > DHPUP ∅ MP *bakay ‘bakar’ > DHPUP *baka MP *təluɣ ‘telur’ > DHPUP *təlo MP *akay ‘akar’ > DHPUP *aka

*-r	Akhir kata	MP *-r > DHPUP *-ɣ MP *ikur ‘ekor’ > DHPUP *eko MP *dəŋər ‘dengar’ > DHPUP *dəŋa
*-l	Akhir kata	MP *-l > DHPUP ∅ MP *bantal ‘bantal’ > DHPUP *banta MP *tumpul ‘tumpul’ > DHPUP *tumpo
*r	Awal kata	MP *r > DHPUP *ɣ MP *rumah ‘rumah’ > DHPUP *ɣumoh MP *rambut ‘rambut’ > DHPUP *ɣambot MP *rumpul ‘rumpul’ > DHPUP *ɣupul
*m	Akhir kata	MP *-m > DHPUP *-ŋ MP *hitam ‘hitam’ > DHPUP *hitəŋ MP *ayam ‘ayam’ > DHPUP *ajaŋ MP *tajəm ‘tajam’ > DHPUP *tadʒəŋ
*n	Akhir kata	MP *-n > DHPUP *-ŋ MP *dahan ‘dahan’ > DHPUP *dahaŋ MP *taŋan ‘tangan’ > DHPUP *taŋəŋ MP *daun ‘daun’ > DHPUP *daunŋ
*-əK	Akhir kata	MP *-əK > DHPUP *-aK MP *ləmək ‘lemak’ > DHPUP *ləmək MP *hatəp ‘atap’ > DHPUP *hatap
*-aw dan *-ay	diftong	MP *-aw > DHPUP *-o MP *-ay > DHPUP *-a MP *pisaw ‘pisau’ > DHPUP *piso MP *kar(ə)baw ‘kerbau’ > DHPUP *kəyəbo MP *pətay ‘petai’ > DHPUP *pəta MP *səyay ‘serai’ > DHPUP *səya

INOVASI LEKSIKAL DHPUP DENGAN VARIAN HPU

Manakala berdasarkan inovasi leksikal di antara MP dan DHPUP, banyak juga leksikal yang mengalami penggantian daripada leksikal MP. Buktinya, setiap sembilan bidang semantik yang direkonstruksi leksikalnya, wujud inovasi leksikal yang berlaku. Perbincangan ini secara jelas telah dihuraikan pada bahagian bab lima, ringkasnya boleh dilihat dalam Jadual 2:

JADUAL 2. Inovasi Leksikal DHPUP

Bidang Semantik	Leksikal MP	Leksikal DHPUP
Waktu (Petang)	*kələ(hə)əm	*pətəŋ

Bilangan (tiga,	*təlu	*tigo
Alam Persekitaran dan warna (rambutan hutan, buluh, mendung, sungai)	*sibaw, *haur, *urəm, *sungay	*buah lapit, *buluh, *dzaon, *tʃayok/ *suŋa
Alat Kelengkapan rumah tangga	*bAlaŋaʔ	*pəyiok
Kekerabatan (datuk, nenek)	*datuk, *niniʔ	*tʃa, *tok
Kata ganti nama (kau, kamu, mereka)	*kau, *kamu, *sidaʔ	*muŋ, *moha, *dima
Anggota tubuh badan manusia (kepala, leher, buah dada)	*hulu(?), *lihər, *susu	*pala, *təkok, *tek
Binatang (anjing)	*asuʔ	*həŋeŋ
Emosi dan perbuatan (gigit, pukul, sembunyi, duduk, hisap)	*gigit, *paluʔ/pukul, *buni , *duduk, *hi(ŋ)səp	*kika, *godan, *ŋusup, *tʃetok, *kuluŋ/*lijih

KLASIFIKASI DALAMAN DHPUP

Perbincangan mengenai inovasi yang dihuraikan telah membuktikan berlakunya pemisahan DHPUP dengan bahasa turunan MP. Walau bagaimanapun, penentuan ini tidak terhenti hanya di situ. Terdapat perkembangan dalam DHPUP yang memperlihatkan pemisahan kepada beberapa lagi cabang yang membolehkan sebuah klasifikasi dilakukan. Klasifikasi ini dilakukan dengan melakukan perbandingan terhadap perselisihan fonetis yang muncul dalam sembilan varian HPU.

Pengkajian dialek dan perbandingan antara dialek tidak patut dilakukan huruf demi huruf (Collins 1987). Maksudnya tidak cukup dengan hanya memadankan suatu segmen dalam dialek A dengan suatu segmen dalam dialek lain kalau tidak ditinjau keadaan sekitar segmen yang terlibat. Dalam DHPUP, prosesnya juga agak berbelit-belit. Jika kita mengamati contoh-contoh yang dipaparkan dalam bab fonologi mahupun rekonstruksi sebelum ini, maklumat data daripada varian-varian HPU dilihat kadang kala perselisihan fonetis itu tidak selaras, malah bertumpang tindih. Terutamanya kehadiran vokal /a/ dalam lingkungan suku kata akhir terbuka dan tertutup. Inovasi fonologi atau perselisihan fonetis yang memisahkan sesama varian dalam DHPUP dapat disenaraikan seperti berikut :

1. MP *-an > DHPUP *-aŋ > PRH [ae]; BSLM [ɛ]; KRN, BNGR, APNS [ɛn]; SLRG [eŋ]; KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI [aŋ].
2. MP *-am > DHPUP *-aŋ > PRH, PDG KNYT, SPG PLAI [a]; KRN, BSLM [ɛ]; SLRG [eŋ]; APNS, KHLU dan BNGR [aŋ].
3. MP *-aŋ > DHPUP *-aŋ > PRH, BSLM [ɛ]; KRN [eŋ]; SLRG, BNGR, APNS [eŋ]; KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI [aŋ]
4. MP *-as / *-is > DHPUP *-ah > PRH, KRN, PDG KNYT [-ah/ih]; SLRG, APNS, BNGR [-aç/ih]; KHLU, SPG PLAI [-eh]; BSLM [-eh]

5. MP *-ah > DHPUP *-oh > PRH, BSLM [-oh]; KRN, SLRG, BNGR [-oh]; APNS, KHLU, PDG KNYT, SPG PLAI [-ah]
6. MP *-p > DHPUP *-p > KRN, PDG KNYT [-p], lain-lain varian [-ʔ]
7. MP *-t > DHPUP *-t > KRN, PDG KNYT [-t], lain-lain varian [-ʔ]
8. MP *-r- > DHPUP *-ɣ- > KRN, PDG KNYT [-r-]; lain-lain varian [-ɣ-]
9. MP *-ut > DHPUP *-ot > PRH, APNS, BNGR [-ɔʷʔ], lain-lain varian [-oʔ]
10. MP *-it > DHPUP *-et > PRH, APNS, BNGR [-aʷʔ], SLRG, PDG KNYT, BSLM [-iʔ], KHLU, SPG PLAI, KRN [-eʔ]
11. MP *-aw > DHPUP *-o > PRH, KRN, SLRG, APNS, BNGR, BSLM [-o]; KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI [-a]
12. MP *-ay > DHPUP *-a > PRH, KRN, SLRG, APNS, BNGR, BSLM [-ɛ]; KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI [-a]

Berdasarkan inovasi fonologi yang disenaraikan di atas, secara keseluruhannya telah memperlihatkan betapa beragamnya perselisihan fonetik dalam pemisahan varian yang berlaku di HPU. Terdapat inovasi bunyi yang berlaku, begitu juga inovasi silibel. Pemisahan varian ini mewujudkan cabang pohon (keluarga) DHPUP secara horizontal, yang mana ia dapat melihat hubungan jauh dekat antara varian yang ada, sekali gus hubungannya dengan dialek induk. Menurut Noriah (2021), bahasa induk (dialek induk bagi kajian ini) ialah sebuah bahasa hipotetikal yang tidak dituturkan lagi. Hipotetikal yang dimaksudkan Noriah (2021), ialah bersifat hipotetis, yang dianggap benar walaupun masih belum dibuktikan dan mungkin kekal sedemikian sampai bila-bila.

Pembahagian cabang pohon dilakukan berdasarkan inovasi fonologi yang paling utama terlebih dahulu. Maksudnya di sini, terdapat beberapa inovasi fonologi terpenting yang menjadi peneraju utama dalam pembahagian atau pemisahan varian HPU kepada empat kelompok besar yang membezakan antara satu kelompok varian, dengan satu kelompok varian yang lain.

Perubahan yang paling menonjol sehingga memisahkan atau memencarkan varian HPU kepada empat kelompok besar ini terbahagi kepada 4 inovasi fonologi utama. **Ciri inovasi utama yang pertama adalah berkaitan realisasi konsonan nasal /m, n, ŋ/ di akhir kata yang didahului oleh vokal /a/** (rujuk senarai 1 hingga 3 yang dibincangkan di atas). Kelompok pertama ini diwakili oleh ciri inovasi fonologi DHPUP *-an, *-am, *-aŋ > PRH dan BSLM -ɛ. Sebagai contohnya dalam kata ‘makan’, ‘malam’, ‘belakang’. Dalam PRH dan BSLM, proses fonologi yang berlaku adalah vokal depan luas /a/ berubah menjadi vokal depan separuh luas /ɛ/, kemudian konsonan nasal mengalami pengguguran, kata ‘makan’ menjadi [make], ‘belakang’ sebagai [bʰlake], ‘malam’ menjadi [male]. Namun ada sedikit perbezaan antara PRH dan BSLM. Misalnya boleh dilihat contoh kata ‘malam’, varian PRH merealisasikan sebagai [mala:], iaitu muncul ciri pemanjangan pada vokal /a/. Hal ini kerana fonem yang hadir sebelum vokal /a/ juga turut mempengaruhi perubahan fonetik yang berlaku. Terutamanya apabila ia melibatkan konsonan koronal (misalnya /l/) sebelum posisi akhir kata.

Kelompok kedua ciri inovasi fonologinya ialah DHPUP *-an, *-am, *-aŋ > SLRG, BNGR dan APNS -eŋ. Situasi yang berlaku dalam kelompok kedua ini agak rumit dan kadang kala ia tidak selaras serta bertumpang tindih atau istilahnya sporadik. Namun, ada varian yang dilihat sejajar dalam inovasi jenis yang dinyatakan ini, iaitu varian SLRG. Konsonan nasal /m, n, ŋ/ yang hadir di akhir kata didahului oleh vokal depan luas /a/ berubah menjadi vokal rendah separuh tinggi [e], dan setiap konsonan nasal /-m, -n/ yang mengikutinya berubah menjadi konsonan nasal /ŋ/. (DHPUP *-an, *-am, *-aŋ > SLRG [-eŋ]). Sedangkan perubahan yang berlaku pada varian APNS dan BNGR bertukar ganti corak perubahannya. Situasi perubahan varian di APNS bertukar ganti dengan [-eŋ] dan [-eŋ] serta pada satu sisi akan [-eŋ]. Manakala varian di BNGR sering bertukar ganti dengan [-eŋ] dan [-eŋ] mahupun [-aŋ]. Keadaan ini akan

berbeza jika konsonan koronal pula yang hadir sebelum suku kata akhir ini (-an, -am dan -an). Misalnya MP *dahan 'dahan' > DHPUP *dahən > SLRG [dahən]; APNS dan BNGR [dahən]; MP *tajəm 'tajam' > DHPUP *tadʒən > SLRG [tadʒən]; APNS [tadʒən]; BNGR [tadʒən].

Kelompok ketiga inovasi fonologi yang berlaku adalah DHPUP *-an, *-am, *-an > KHLU, SPG PLAI, PDG KNYT [-an]. Apabila dilihat secara umumnya, varian ini sangat mirip ciri linguistik amnya dengan dialek Ulu Terengganu, yakni akhiran konsonan-konsonan sengauan berubah menjadi /-ŋ/. Jika diamati perbedaannya dengan varian di kelompok kedua (SLRG, APNS dan BNGR), bentuk vokal suku akhir, kadang-kadang [ɛ], dan kadang-kadang [e]. Keadaan ini tidak berlaku dalam varian KHLU, yakni vokal suku akhir yang mengikuti konsonan-konsonan sengauan adalah vokal tengah rendah /a/, yang dilihat kewujudannya secara konsisten. Contoh data yang dapat dilihat adalah seperti [təŋən], [dahən], [tadʒən] dan sebagainya. Bagi varian SPG PLAI dan PDG KNYT kewujudannya bersilih ganti [e], namun, kekerapan vokal /a/ yang mengikuti konsonan sengauan adalah lebih tinggi jika dilihat dalam 200 data yang direkonstruksikan.

Ciri inovasi fonologi utama yang kedua ialah MP *-as > DHPUP *-ah > SLRG, BNGR, APNS [-aç]; PRH, KRN, PDG KNYT [-ah]; KHLU, SPG PLAI [-eh]; BSLM [-eh]. Sebagai contoh MP *panas 'panas' > DHPUP *panəh > PRH, KRN, PDG KNYT [panəh]; KHLU, SPG PLAI [paneh]; BSLM [paneh]; SLRG, BNGR dan APNS [panaç]. Ringkasnya inovasi fonologis yang dapat dilihat ialah [-as > -ah > -aç]. Ciri inovasi ketiga ini merupakan salah satu kriteria penguat untuk ketiga-tiga varian SLRG, BNGR dan APNS dikelompokkan dalam kelompok kedua. Tambahan lagi, ciri inovasi lain yang dikongsi bersama oleh ketiga-tiga varian ini ialah berkaitan inovasi konsonan nasal yang dibincangkan pada awalnya. Selain itu, akhiran MP *-is > DHPUP *-ih, akan mengalami perubahan seperti [-iç] dan varian SLRG, APNS dan BNGR.

Seterusnya, ciri inovasi utama yang ketiga ialah DHPUP *-y- > PDG KNYT dan KRN [-r-]; lain-lain varian /-y-/. Ciri ini merupakan inovasi khas yang berlaku dalam varian Padang Kunyit (PDG KNYT) dan Kerunai (KRN). Pada sesi lain, konsonan letupan DHPUP *p dan *t hadir hanya pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja dalam varian HPU, kecuali varian PDG KNYT dan KRN yang memperlihatkan kewujudan /p/ dan /t/ di posisi akhir kata. Dalam varian KRN, kewujudan /p/ dan /t/ pada posisi akhir ini kadang kala bertukar ganti juga dengan /ʔ/ seperti dalam varian-varian HPU yang lain (bersifat sporadik). Begitu juga situasinya dengan [-r-] varian KRN kadang kala merealisasikan sebagai [-y-] untuk beberapa perkataan. Namun. Varian PDG KNYT dilihat penyebarannya lebih teratur. Oleh hal yang demikian, kita boleh mengatakan bahawa ciri perselisihan fonetik ini merupakan satu ciri khas PDG KNYT dan KRN yang memisahkan varian ini daripada semua varian HPU yang lain dan dikelompokkan dalam kelompok tersendiri.

Ciri inovasi fonologi utama yang terakhir adalah berkaitan diftongisasi lanjutan. Diftongisasi lanjutan merujuk kepada inovasi bernombor 10 dan 11. Sebelum meneruskan perbincangan diftongisasi lanjutan ini dengan lebih lanjut, elok kiranya inovasi diftong MP disentuh terlebih dahulu. Hal ini kerana ia berkait rapat dengan diftongisasi yang berlaku dalam DHPUP. Inovasi diftong MP *-aw dan *-ay masing-masing memperlihatkan penyatuan menjadi DHPUP *-o dan *-a, iaitu melalui proses monoftong. Seterusnya pada tahap DHPUP, proses monoftongisasi ini pula muncul dalam beberapa bentuk melalui varian-varian di HPU. MP *-aw > DHPUP *-o muncul sebagai [o] di PRH, KRN, SLRG, APNS, BNGR, BSLM, tetapi tetap sebagai [a] di KHLU, PDG KNYT DAN SPG PLAI. Manakala MP *-ay > DHPUP *-a pula muncul sebagai [ɛ] di PRH, KRN, SLRG, APNS, BNGR, BSLM dan tetap [a] di KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI. Contoh data perubahan diftong kepada monoftong di HPU ini adalah seperti MP *pisaw > DHPUP *piso > PRH, KRN, SLRG, APNS, BNGR,

BSLM [piso]; KHLU, PDG KNYT DAN SPG PLAI [pisa], MP *petay > DHPUP *pəta > PRH, KRN, SLRG, APNS, BNGR, BSLM [pətɛ]; PDG KNYT DAN SPG PLAI [pəta].

Berdasarkan pandangan Collins (1996), dapatlah disimpulkan bahawa dialek HPU memiliki diftong yang terhasil daripada proses monoftongisasi yakni diftongisasi. Dalam DHPUP, terdapat dua jenis diftongisasi, iaitu /iʏ/ dan /uʷ/ yang terhasil daripada geluncuran pada dua vokal tinggi ini di akhir kata. Manakala diftongisasi lanjutan yang ingin dibincangkan dalam varian HPU ini pula, terhasil apabila melibatkan penambahan segmen bunyi hentian atau geseran glotis setelah vokal tinggi. Diftongisasi lanjutan ini hanya berlaku dalam varian PRH, APNS dan BNGR sahaja. Sebagai contoh ‘rambut’ [ɣambɔʷʔ], ‘pahit’ [pʰaʏʔ], ‘baik’ [baʏʔ], ‘lutut’ [lutɔʷʔ].

Selain daripada ciri inovasi fonologis yang membezakan antara satu kelompok varian dengan varian yang lain, ciri inovasi leksikal juga salah satu penyumbang dalam melakukan klasifikasi varian di HPU. Secara keseluruhannya, terdapat tiga varian yang menonjol daripada segi inovasi leksikal. Varian tersebut adalah varian PRH, KHLU dan SPG PLAI. Kedua-dua varian ini dilihat begitu unik kerana mempunyai leksikal yang berbeza daripada tujuh varian lagi yang dikaji. Setiap daftar kata dalam sembilan bidang semantik yang dikaji, pasti ada leksikal yang mencuri perhatian (berlainan, mengalami inovasi dari bahasa MP). Oleh sebab itu, varian PRH tidak disatukan dalam kelompok cabang kedua bersama SLRG, APNS, dan BNGR walaupun mempunyai inovasi bersama seperti ciri diftongisasi lanjutan tadi, di samping ciri utama akhiran nasal /-ŋ/ yang digugurkan. Begitu juga dengan KHLU dan SPG PLAI, walaupun ada beberapa inovasi fonologi dikongsi dengan varian lain, namun kedua varian ini dikelompokkan pada cabang tersendiri kerana inovasi leksikal kerap berlaku dan berbeza dengan varian yang lain. Sebagai contoh dalam Jadual 3 di bawah ini adalah sebahagian leksikal yang mewakili tiga varian yang dinyatakan.


JADUAL 3. Inovasi leksikal varian KHLU, PRH dan SLRG

No.	BMS	MP	DHPUP	Varian HPU
1.	rambutan liar	*sibaw	*buah lapit	PRH buwɔh [l:əpɔʔ] SLRG [buwɔh klɛpɛʔ]
2.	buluh	*haur	*buluh	PRH [bulɔh], KHLU [bulɔh]
3.	sungai	*sungay	*tʃayok/ *suŋa	PRH [dʒəyɛ]
4.	mendung	*urəm	*dʒaɔŋ	KHLU, SLRG [dʒaɔŋ], PRH [ɣəduʔ]
5.	datuk	*datuk	*tʃa	PRH, KHLU [tʃɛ], SPG PLAI [tʃɛʔwa]
6.	nenek	*niniʔ	*tok	PRH, KHLU [toʷʔ], SPG PLAI [mɔʔ]
7.	bapa	*apaʔ	*pok	KHLU [boba], SPG PLAI [tʃeʔ]
8.	kakak	*kakaʔ	*kak	KHLU, SPG PLAI [kaʔniʔ]
9.	siapa	*si-apa	*sapa	SPG PLAI [pijɔ]
10.	kamu	*kau	*muŋ	PRH [hɛ]

11.	leher	*liher	*təkok	KHLU [lahɛ], SPG PLAI [lɛhe]
12.	urat	*urat	*uyat	KHLU [kuya]
13.	buah dada	*susu	*tik	SPG PLAI [kɔpɛʔ]
14.	gigit	*gigit	*kike	KHLU [kikay]
15.	pukul	*paluʔ/pukul	*godan	KHLU SPG PLAI [godan]
16.	sembunyi	*buni	*jusup	PRH [jusup]
17.	baik	*baik	*baik	SPG PLAI sɛnia

PERBINCANGAN

Berdasarkan 12 inovasi fonologi dan item leksikal seperti mana yang dipaparkan, maka klasifikasi DHPUP adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



RAJAH 1. Rajah pohon klasifikasi dalam DHPUP

Rajah 1 secara jelasnya memaparkan rajah pohon yang melambangkan hubungan kekerabatan atau hubungan jauh dekat DHPUP bersama bahasa induknya berserta varian-varian turunannya. Sebagaimana yang telah dibincangkan pada awal tadi, terdapat enam inovasi fonologi dan beberapa inovasi leksikal yang memisahkan DHPUP daripada MP. Berdasarkan inovasi yang dinyatakan inilah yang menjustifikasikan kewujudan dialek purba yang digelar sebagai DHPUP ini. Pemisahan DHPUP daripada MP yang dimaksudkan dalam paparan Rajah 1 di atas dengan inovasi berikut:

1. MP *-y, *-l, *-r > DHPUP \emptyset
2. MP *r > DHPUP *y
3. MP *-m, *-n > DHPUP *-ŋ
4. MP *-s > DHPUP *-h
5. MP *-əK > DHPUP *-aK (K = selain konsonan sengauan)
6. MP *-aw > DHPUP *-o / MP *-ay > DHPUP *-a

Seterusnya, varian turunan DHPUP terpisah pula kepada empat cabang utama. Cabang pertama terdiri daripada varian seperti PRH dan BSLM; manakala cabang kedua terdiri daripada varian SLRG, BNGR, dan APNS, cabang ketiga pula terdiri daripada varian KHLU dan SPG PLAI; seterusnya, cabang keempat terdiri daripada PDG KNYT dan KRN. Cabang pertama dicirikan oleh inovasi bersama seperti berikut:

- a) DHPUP *-m, *-n, *-ŋ > PRH, BSLM \emptyset
- b) MP *-ah > DHPUP *-ah > PRH, BSLM > [-oh]
- c) MP *-aw > DHPUP *-o > PRH, BSLM [-o]
- d) MP *-ay > DHPUP *-a > PRH, BSLM [-ε]

Berdasarkan a), kedua-dua varian ini di kelompokkan dalam cabang 1 kerana varian ini mempunyai inovasi bersama yakni pengguguran konsonan nasal di akhir kata. Walau bagaimanapun, vokal yang hadir sebelumnya mengalami perendahan vokal (secara sporadik) setelah Pengguguran konsonan nasal berlaku. Contohnya DHPUP *-am > PRH [-æ]; BSLM [-ε]. Penjelasan lebih lanjut, boleh dirujuk semula pada inovasi fonologis No.1 hingga No.3. Pemisahan varian BSLM dengan varian PRH adalah disebabkan varian PRH mempunyai beberapa inovasi leksikal yang berbeza dengan varian-varian yang lain hasil daripada rekonstruksi leksikal yang dilakukan. Selain daripada itu, varian PRH juga memperlihatkan kewujudan rangkap konsonan dalam kata secara konsisten, terutamanya pada lingkungan di awal kata, berbanding BSLM yang bersifat tidak tetap. Sebagai contoh data [byi^y] 'beri' dan [bli^y] 'beli'.

Cabang kedua pula dicirikan oleh inovasi bersama seperti berikut

- a) DHPUP *-am, *-an, *-aŋ > SLRG, BNGR, APNS [-eŋ]
- b) MP *-as > DHPUP *-ah > SLRG, APNS, BNGR [-aç]
- c) MP *-aw > DHPUP *-o > SLRG, BNGR, APNS [-o]
- d) MP *-ay > DHPUP *-a > SLRG, BNGR, APNS [-ε]

Berdasarkan a), secara keseluruhannya, tiga varian ini dikelompokkan dalam cabang 2 kerana

akhiran *-am, *-an, *-aŋ > *-eŋ. Walaupun jika diperhatikan pada data-data yang direkonstruksi, hanya varian SLRG dilihat inovasi *-eŋ begitu teratur, namun ini tidak menjejaskan kemasukan varian BNGR dan APNS ke dalam cabang kedua kerana inovasi kedua varian ini terhadap *-eŋ lebih kerap jika ingin dibandingkan perubahan yang kadang kala dituturkan sebagai /-ɛn, -aŋ dan eŋ/.

Cabang ketiga dicirikan oleh inovasi bersama seperti berikut:

- a) DHPUP *-am, *-an, *-aŋ > KHLU dan SPG PLAI [-aŋ]
- b) MP *-as > DHPUP *-ah > KHLU dan SPG PLAI [-eh]
- c) MP *-ah > DHPUP *-oh > KHLU, SPG PLAI [-ah]
- d) DHPUP *-et > KHLU, SPG PLAI [-eʔ]
- e) MP *-aw > DHPUP *-o > KHLU, SPG PLAI [- a]
- f) MP *-ay > DHPUP *-a > KHLU, SPG PLAI [- a]

Cabang keempat dicirikan oleh inovasi bersama seperti berikut:

- a) DHPUP *-am, *-an, *-aŋ > PDG KNYT, KRN [-aŋ]
- b) MP *-as > DHPUP *-ah > KRN, PDG KNYT [-ah]
- c) MP *-ah > DHPUP *-oh > KRN, PDG KNYT [-ah]
- d) MP *-r- > DHPUP *-y- > KRN, PDG KNYT [-r-]

Berdasarkan a) Keadaan inovasi fonologi berkaitan sengauan di akhir kata bagi cabang keempat ini adalah sporadik. Terutama sekali bagi varian KRN yang dilihat lebih dekat dengan cabang kedua. Berbeza dengan SPG PLAI, Ciri inovasi fonologi ini lebih dekat pula dengan cabang ketiga. Keadaan ini tidak memberikan kesan kepada pengelompokan varian PDG KNYT dan KRN sebagai cabang tersendiri, kerana terdapat ciri inovasi bersama yang lebih kuat menjadikan kedua varian ini disatukan dalam cabang tersendiri (Rujuk (b)).

Retensi daripada MP dalam varian KRN dan PDG KNYT juga menjadi faktor kedua varian ini dipisahkan daripada varian-varian HPU dan akhirnya dikelompokkan dalam cabang tersendiri, iaitu cabang keempat. Retensi langsung yang dimaksudkan adalah konsonan /p/ dan /t/ di akhir kata. Retensi MP *-p, *-t > PDG KNYT, KRN /-p, -t / wujud secara teratur dalam PDG KNYT. Manakala dalam varian KRN secara tidak tentu. Namun masih wajar di kelompokkan bersama varian PDG KNYT, kerana varian-varian lain telah memperlihatkan inovasi fonologi kepada hentian glotis di akhir kata, iaitu perubahan MP *-p, *-t > PRH, APNS, SLRG, KHLU, BSLM , SPG PLAI dan BNGR [-ʔ].

Walau bagaimanapun, jika diteliti semula pembahagian senarai inovasi setiap empat cabang yang diuraikan di atas, terdapat beberapa fenomena pertindihan inovasi di antara cabang-cabang atau kelompok-kelompok ini. Sebagai contoh inovasi fonetis yang mengalami percampuran atau pertindihan inovasi ialah, ciri inovasi MP *-aw > DHPUP *-o / MP *-ay > DHPUP *-a. Kesemua varian dalam cabang masing-masing menunjukkan perubahan yang konsisten. Namun, berbeza cabang ke empat. Varian KRN memperlihatkan adanya percampuran inovasi dengan cabang pertama pada MP *-aw > DHPUP *a > KRN[-o] dan MP *-ay > DHPUP *a > KRN [-ɛ], manakala varian PDG KNYT berlaku pertindihan inovasi dengan cabang kedua MP *-aw > DHPUP *a > PDG KNYT [-a] dan MP *-ay > DHPUP *a > PDG KNYT [-a]. Ciri inovasi pertindihan yang kedua ialah MP *-ut > DHPUP *-ot > PRH, APNS, BNGR -oʔ, lain-lain varian [-oʔ]. Ini adalah pertindihan yang telah dinyatakan pada ciri utama yang dilakukan terhadap klasifikasi empat kelompok besar dalam dialek HPU, yakni

diftongisasi lanjutan. Percampuran inovasi di antara varian PRH cabang pertama dengan varian APNS dan BNGR dalam cabang kedua. Percampuran inovasi lebih rumit dan sangat bertumpang tindih pula berlaku pada inovasi leksikal ini MP *-it > DHPUP *-et > PRH, APNS, BNGR [-aʏʔ], SLRG, PDG KNYT, BSLM [-iʔ], KHLU, SPG PLAI, KRN [-eʔ].

Merujuk semula rajah pohon yang dipencarkan, masih terlihat ada pemecahan kecil yang berlaku dalam 4 cabang besar ini. Umumnya, disebabkan oleh pertindihan ciri inovasi yang berlaku pada setiap varian yang terlibat. Walau bagaimanapun, secara ringkasnya dapat pengkaji jelaskan di sini satu persatu sebab musabab pemencaran ini berlaku. Pertama, cabang PRH dipencarkan dari varian BSLM kerana varian PRH mempunyai ciri fonologis yang BSLM tiada. Misalnya, kehadiran vokal koronal /l/ mempengaruhi vokal yang hadir sebelum konsonan sengauan di akhir kata. Sebagai contoh, data ‘malam’ dan ‘berjalan’, BSLM [malɛ], [dzalɛ] manakala PRH [mala:], [bʰdzala:]. Selain itu, PRH memiliki diftongisasi lanjutan, tidak bagi BSLM.

Kedua, cabang SLRG, APNS dan BNGR. Varian SLRG terpisah awal dari dua varian tersebut kerana ciri sepunya DHPUP *-am, *-an, *-aŋ > SLRG [-eŋ] berlaku secara konsisten jika dibandingkan dengan BNGR dan APNS. Seterusnya, BNGR dan APNS dipencarkan pada cabang lain dari SLRG kerana kedua-dua varian tersebut mempunyai ciri diftongisasi lanjutan seperti ciri varian PRH. Manakala BNGR dan APNS dipisahkan kerana APNS memiliki ciri rangkap konsonan yang lebih teratur.

Seterusnya cabang ketiga, KHLU dan SPG PLAI. Kedua varian ini dipisahkan kerana varian SPG PLAI mempunyai ciri fonologis yang sering bertumpang tindih dengan varian lain. Contoh yang jelas adalah ciri fonologis DHPUP *-am, *-an, *-aŋ > KHLU, SPG PLAI [-aŋ]. Secara jelasnya, hanya varian KHLU yang memperlihatkan kehadiran /-aŋ/ secara konsisten pada konsonan akhiran di akhir kata. Sebab lain SPG PLAI dipencarkan dari KHLU adalah kerana kedua-dua varian ada menunjukkan senarai leksikal yang berbeza antara satu sama lain.

Cabang terakhir, KRN dan PDG KNYT dipencarkan kerana ciri fonologi monoftong yang terhasil adalah berbeza. MP *-aw > DHPUP *-o > KRN, -o; PDG KNYT -a dan MP *-ay > DHPUP *-a > KRN [-ɛ]; PDG KNYT [-a]. Sebagai contoh ‘pissu’ KRN [piso] manakala PDG KNYT [pisa], ‘petai’ KRN [pətɛ] manakala PDG KNYT [pəta].

KESIMPULAN

Hasil Perbincangan inovasi fonetis dan inovasi leksikal yang dilakukan, akhirnya membawa kepada suatu pengklasifikasian yang tuntas dan berpada pada keberadaan varian-varian di HPU, juga hubungan DHPUP dengan bahasa induknya, MP. Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada pengklasifikasian ini adalah DHPUP sememangnya memiliki lebih daripada lima varian yang dituturkan oleh masyarakat di HPU. Kajian klasifikasi dan rekonstruksi DHPUP ini sedikit sebanyak telah memberikan pengukuhan kepada kajian yang dilakukan oleh Tajul Arippin Khasin & Tarmiji (2014) dan Ismail Hussien (1973).

Begitulah wajar dan pentingnya usaha pengklasifikasian ini dilakukan dalam anjuran pendekatan linguistik sejarawi. Pengklasifikasian ini bukan sahaja telah menyerlahkan kepelbagaian varian dalam sesebuah dialek, bahkan telah membuktikan secara jelas dan lebih bertanggungjawab terhadap kajian lepas yang berkaitan. Maksudnya hubungan kekerabatan antara varian atau dialek dapat diperhalusi melalui inovasi dan retensi bersama yang hadir pada setiap varian. Penjelasan yang berpada dapat dilihat pada rajah pohon yang terhasil. Buktinya pemaparan varian PRH dan varian BSLM mempunyai hubungan yang lebih akrab jika ingin dibandingkan dengan varian yang berada di dalam cabang kedua, iaitu varian SLRG, varian APNS dan varian BNGR. Begitu juga seterusnya. Hubungan varian dalam cabang kedua

pastinya mempunyai hubungan yang agak jauh dari awal lagi dengan cabang ketiga (varian KHLU dan SPG PLAI) dan keempat (varian PDG KNYT dan KRN). Justeru keutuhan DHPUP terungkuai melalui dua belas inovasi fonologi atau perselisihan fonetis, dan beberapa inovasi leksikal, yang sekali gus telah memisahkan varian HPU pada cabang pohon yang berbeza seperti yang dinyatakan.

RUJUKAN

- Adeelar, K.A. 1992. Proto-Malayic: The Reconstructions of Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical. *Pacific Linguistic*, Series C 119. Canberra: The Australia National University.
- Ajid Che Kob. 2006. Dialektologi. Dlm. Zulkifley Hamid et al., (pnyt.). *Linguistik Melayu*, hlm. 127-141. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 2015a. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015b. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1986. *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T. and Bower C. 2010. *An Introduction to Historical Linguistics*. Auckland: Oxford University Press.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara* 3, 63-79.
- Mahsun, M. S. 1995. *Dialektologi Diakronis Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. 2020. *Pemetaan Variasi Fonologi & Leksikal Dialek Hilir Perak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, and Shahidi, A. H. and Rahim Aman. 2013. Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 13 (3), 211-222. ISSN 1675-8021
- Norfazila Ab. Hamid, and Rahim Aman, and Shahidi A.H. 2017. Varian Dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: analisis linguistik bandingan. *GEMA ; Online Journal of Language Studies*, 17 (2), 219-244. ISSN 1675-8021
- Noriah Mohamed. 2021. Menelusuri Makna Linguistik Sejarah dan Perbandingan. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt). *Menelusuri Inti Sari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. hlm 1-12. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman, & Shahidi A.H 2021. Kesan Persempadanan Kawasan Berdasarkan Kajian Linguistik Bandingan. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (4), 45-61. ISSN 2180-2491.
- Nur Habibah C. H & Rahim Aman. 2020. Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*, 19(2), 202-213.
- Rahim Aman. 2017. *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Edisi ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim Aman. 2023. Maklumat profil digital sistem dialektal Melayu Lenggong. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2023, 181-191. ISSN 1675-7513.

- Shahidi A.H., Nurul Huda Binti Ariffin & Rahim Aman. 2021. Dialek Perak varian Kuala Kangsar: satu pemerian Fonetik Akustik. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2021, 602-634. ISSN 1675-7513.
- Siti Hajar, Rahim Aman. & Shahidi A.H. 2020. Klasifikasi varian Miriek (vm): bukti integrasi linguistik. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2021. pp. 442-456. ISSN 1675-7513.
- Norhaniza Abdul Khairi, Shahidi A.H, Rahim Aman. 2021. Realisasi kontras penyuaran bunyi plosif awal kata dialek Melayu Patani Lenggong. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 126-141. ISSN 1675-7513.
- Tajul Ariffin Khasin & Tarmiji Misron 2014. *Persamaan dan Perbezaan Fonologi Dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau*. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt.), Pendekatan Kontrasif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia. hlm. 37-58. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Biodata Penulis:

Nur Habibah C.R (PhD) ialah Pensyarah di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Fonologi dan Linguistik Bandingan Sejarawi.

Shahidi A.H (PhD) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dialektologi Melayu, Fonetik Akustik dan Pembelajaran Bahasa Kedua.

Rahim Aman (PhD) merupakan Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Sejarah dan Dialektologi.